

31/07/1997

Dr Mahathir popular di Jepun

Daud Awang in Papenburg (Jerman)

PAPENBURG (Jerman), Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad adalah pemimpin Asia paling popular di Jepun, kata Ketua Pengarang Kaiji Press, Toshimi Wakase.

Wakase, 48, berkata pandangan dan ucapan Perdana Menteri sering kali mendapat liputan meluas dalam akhbar tempatan di negaranya.

"Saranan Dr Mahathir supaya rakyat Malaysia mempelajari pelbagai bahasa sebagai cara untuk mendapatkan ilmu pengetahuan mendapat liputan meluas dalam akhbar dan televisyen Jepun.

"Ideanya itu dianggap bernas oleh rakyat Jepun kerana mereka (rakyat Jepun) hanya diberi penekanan terhadap bahasa Jepun saja," katanya ketika ditemui pada majlis pelancaran kapal SuperStar Virgo milik Star Cruises di sini, kelmarin.

Majlis itu yang disempurnakan Pengerusi Star Cruises, Datuk K T Lim turut dihadiri kira-kira 30 wartawan termasuk dari Malaysia.

Wakase berkata, walaupun pihaknya mengenali beberapa pemimpin dari Asia tetapi nama Dr Mahathir lebih popular di kalangan rakyat Jepun.

Pengarang majalah Ships of The World, Kaijinsha Berhad, Koyu Ishii, 36, berkata rakyat Jepun mengagumi dasar diamalkan Dr Mahathir termasuk 'Dasar Pandang ke Timur'.

"Tidak ada pemimpin di Asia yang mahu meniru cara rakyat Jepun bekerja. Bagaimanapun, Dr Mahathir menggunakan pendekatan ini untuk membangunkan negaranya.

"Sikapnya amat dihormati penduduk Jepun dan banyak syarikat Jepun memberi kerjasama dan sokongan kepada Dasar Pandang ke Timur yang diperkenalkan oleh beliau," katanya.

Pengarah Jualan Star Cruises di Tokyo, Tom Kondo, 46, berkata Dr Mahathir bekerja kuat untuk membangunkan negaranya sejajar dengan kepesatan dunia.

(END)